



**TEKS PERUTUSAN
YB NIK NAZMI NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM**

**SEMPENA
HARI RENJER SEDUNIA 2023**

31 JULAI 2023

Sambutan Hari Renjer Sedunia (*World Ranger Day*) merupakan acara tahunan yang disambut pada 31 Julai setiap tahun bagi memperingati renjer yang telah terkorban atau tercedera semasa menjalankan tugas. Sambutan ini juga adalah untuk mengiktiraf pengorbanan renjer, pejuang belantara yang bertanggungjawab memastikan sumber semula jadi dan biodiversiti negara dilindungi. Renjer adalah barisan hadapan (*frontliner*) yang bertindak sebagai benteng bagi membanteras pencerobohan untuk melindungi biodiversiti; jurucakap kepada flora dan fauna; serta guru bagi mendidik orang awam untuk mengenali dan menghargai biodiversiti.

Peranan penting renjer termasuk Renjer Komuniti jelas terbukti melalui kejayaan Program Perlindungan dan Rondaan Biodiversiti (*Biodiversity Protection and Patrolling Programme - BP3*) yang dilaksanakan sejak tahun 2020. Kepakaran Veteran Angkatan Tentera Malaysia, Veteran Polis Diraja Malaysia, masyarakat Orang Asli serta komuniti setempat telah meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan bagi membanteras kegiatan pencerobohan, pembalakan haram serta pemburuan hidupan liar.

Secara keseluruhannya dari tahun 2019 hingga tahun 2023, sebanyak 240 kes direkodkan di bawah BP3 yang melibatkan tangkapan seramai 349 orang pesalah dengan jumlah sitaan lebih daripada RM112 juta. Selain itu, sebanyak 1,875 jerat yang dijumpai di dalam kawasan operasi telah berjaya dimusnahkan. Melihat kepada kejayaan BP3, inisiatif Renjer Komuniti ditingkatkan kepada 1,500 orang pada tahun 2023 dengan pelantikan seramai 1,000 orang Renjer Komuniti di Semenanjung Malaysia dan diperluaskan ke Sabah dan Sarawak melalui pelantikan seramai 500 orang Renjer Komuniti.

Renjer hutan juga saling melengkapi melalui penguatkuasaan undang-undang perhutanan yang berkaitan. Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Renjer Menraq di Taman Negeri Royal Belum atas kejayaan menerima anugerah antarabangsa *International Union for Conservation of Nature (IUCN) World Commission on Protected Areas (WCPA) 2023 International Ranger Awards 2023* pada 26 Julai 2023. Kejayaan ini diharap dapat mencetus inspirasi kepada semua renjer di negara ini untuk terus berkhidmat dengan penuh dedikasi.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada renjer di seluruh negara. Kerajaan akan terus mengiktiraf peranan renjer yang selama ini berkorban untuk mempertahankan sumber kekayaan dan khazanah semula jadi negara kita.

Selamat Menyambut Hari Renjer Sedunia Tahun 2023.

Sekian, terima kasih.

**NIK NAZMI NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM
31 JULAI 2023**